

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB RAJA DATO' KAMARUL BAHRIN SHAH**

**KAWASAN : KUALA TERENGGANU**

**TARIKH : 17.6.2014 (SELASA)**

**NO. SOALAN : 134**

**YB Raja Dato' Kamarul Bahrin Shah (Kuala Terengganu) minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan adakah pihak Kementerian telah menetapkan senarai-senarai yang dikecualikan daripada rundingan perjanjian TPPA Trans Pacific Partnership Agreement dan bilakah senarai ini akan dimaklumkan kepada Parlimen serta rakyat.**

## **Jawapan**

Tuan Yang DiPertua,

Setiap negara anggota TPPA mempunyai matlamat masing-masing dalam menjamin kepentingan negara sentiasa terpelihara. Malaysia juga tidak terkecuali. Malaysia telah pun menetapkan perkara-perkara atau isu-isu untuk mendapat pengecualian dan ianya masih dirundingkan. Isu-isu ini adalah sensitif bagi Malaysia dan Kerajaan sentiasa meneliti dan menentukan supaya apa-apa peruntukan yang dirundingkan tidak menjelaskan kepentingan rakyat dan Kerajaan serta mempunyai tahap ‘safeguard’ yang bersesuaian untuk memastikan kepentingan negara dan dasar-dasar domestik tidak terjejas serta tidak menghalang Kerajaan daripada menggunakan, mengekalkan atau menguatkuasakan langkah-langkah atau dasar-dasar domestik.

Tuan Yang DiPertua,

Mengenai persoalan berkaitan dengan bilakah senarai ini akan dimaklumkan kepada Parlimen serta rakyat, ingin dimaklumkan bahawa rundingan TPPA masih lagi berlangsung dan banyak lagi isu-isu yang tertunggak dan belum dipersetujui oleh semua anggota TPPA. Rundingan TPPA mengambil masa yang lebih panjang daripada yang dijangka asalnya untuk dimuktamadkan pada akhir tahun 2013 kerana TPPA amat berbeza dengan FTA yang biasa dan meliputi skop komprehensif yang melibatkan sensitiviti-sensitiviti yang berbeza. YAB Perdana Menteri telah mengumumkan pada Mesyuarat Pemimpin-Pemimpin Negara TPPA di Bali, Indonesia pada 8 Oktober 2013 bahawa kandungan TPPA akan dibentangkan ke Parlimen untuk dibahaskan setelah ianya dimuktamadkan.